

687 penjawat awam terlibat najis dadah ditangkap

PETALING JAYA – Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Polis Diraja Malaysia menangkap 687 penjawat awam di seluruh negara atas pelbagai kesalahan dadah sepanjang tahun lalu.

Lima daripada mereka yang ditahan itu pula berstatus pegawai kanan sebuah agensi penguat kuasa di Pahang yang telah ditahan di bawah Seksyen 3(1)

Akta Dadah Berbahaya (ADB) Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985.

JSJN dalam satu kenyataan di akaun Facebook rasminya semalam berkata, tindakan tegas itu membuktikan pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana penjawat awam yang terlibat dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, secara keseluruhan, seramai 163,740 individu ditahan di bawah pelbagai seksyen kesalahan membabitkan dadah sepanjang tahun lepas antaranya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Penagih Dadah (R&P) 1983.

“Daripada jumlah itu, 4,305 kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya

(ADB) 1952 dengan tangkapan 6,612 orang, manakala 1,261 individu ditahan di bawah Seksyen 3(1) ADB LLPK 1985,” katanya.

Ujarnya, sebanyak 229 sindiket yang melibatkan 709 orang pula berjaya ditumpaskan, diikuti tangkapan salah seorang ketua sindiket terbesar di Sabah.

“Ketua sindiket terbesar itu terlibat aktif dalam aktiviti

pengedaran ekstasi, minuman jus mengandungi kandungan dadah di pusat hiburan,” katanya

Tambahnya, JSJN juga menyasarkan kawasan sarang penagih, penempatan Felda, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), jeti nelayan, pengkalan haram serta lokasi aktif yang menjalankan kegiatan penyalahgunaan dadah.